



Received: 2023-04-18

Accepted: 2023-06-14

Published: 2023-06-22

Original Article**Pemikiran Ekonomi dan Kewangan Islam Profesor Dr Joni Tamkin Bin Borhan****(*Islamic Economic and Financial Thought of Professor Dr. Joni Tamkin Bin Borhan*)****Suffian Haqiem Nor Azelan^a & Mohd Shahid Mohd Noh**^a Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

* Corresponding author, email: suffianhaqiem@gmail.com

ABSTRACT

Professor Dr Joni Tamkin bin Borhan was a Shariah scholar who has made a great contribution to Islamic economics and finance in Malaysia. He was a Professor in Islamic economics at the Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya. Since the establishment of the first Islamic bank in Malaysia in 1983, the role of Shariah scholars has become increasingly significant, especially in designing the Islamic financial system in Malaysia. This study aims to analyze his ideas and thoughts in Islamic economics and finance. The data was collected from his own UM-Expert database before he passed away. This database is used to share with others of his academic activities and also used as evaluation for his achievements by University of Malaya. In addition, interviews with his wife were also conducted for additional information and confirmation of some relevant facts. As a professor in this field, his views and thoughts regarding the Islamic economic and financial system are something very valuable and need to be highlighted to the highest level.

Keywords: Joni Tamkin Borhan, professor, shariah scholar, Islamic economic and financial, thought.

Pengenalan

Sarjana syariah merupakan individu penting dalam perkembangan ekonomi dan kewangan Islam kerana mereka merupakan golongan yang dirujuk dalam menjelaskan prinsip-prinsip syariah dalam ekonomi dan kewangan Islam termasuklah dalam isu-isu seperti pembangunan ekonomi, pasaran modal dan produk perbankan Islam.¹ Menurut Profesor Dr Aslam Haneef,² sarjana

¹ Daud Bakar, *Minda Syariah Kewangan Islam* (Kuala Lumpur: Amanie Media 2016), 2.

² Mohamed Aslam Haneef, *Contemporary Islamic Economic Thought: A Selected Comparative Analysis* (Petaling Jaya, Selangor, 1995), 57

ekonomi Islam boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama terdiri daripada para sarjana fiqh yang menulis dan memberi pandangan tentang ekonomi Islam. Walaupun begitu, tulisan dan pandangan mereka hanya terbatas kepada pendekatan teori dalam beberapa perkara seperti riba, faedah, perbankan, zakat, kemiskinan dan pembangunan. Antara sarjana yang termasuk dalam kategori ini adalah Siddiqi (1981) dan Khan (1989).

Kategori kedua pula adalah golongan yang muncul sebagai reaksi kepada pandangan sarjana kategori pertama yang konservatif dan tidak menepati konteks semasa. Mereka terdiri daripada ahli ekonomi yang bercakap dan menulis tentang ekonomi Islam namun tidak mempunyai asas dalam ilmu syariah dan fiqh. Pandangan mereka kebanyakannya bergantung kepada akal, sebab dan kemampuan intelektual untuk membuat keputusan termasuklah mentafsirkan sumber primer perundungan Islam iaitu Al-Quran dan Sunnah. Pandangan golongan ini juga kurang diterima sarjana Islam kerana tidak menepati metodologi penyelidikan Islam.

Sarjana kategori ketiga terdiri daripada sarjana ekonomi Islam yang mempunyai latar belakang pendidikan barat. Mereka juga mempunyai kepakaran dalam bidang syariah serta ekonomi dan pandangan yang diberikan adalah cenderung kepada pendekatan ekonomi yang sesuai dengan konteks dan amalan semasa. Sarjana ekonomi Islam daripada golongan ini menganalisis sumber-sumber perundungan Islam dan mengadaptasi kaedah semasa serta menerima pandangan-pandangan barat yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam. Profesor Dr Joni Tamkin bin Borhan merupakan antara sarjana dalam kategori ini yang sangat bersungguh dalam mengetengahkan idea ekonomi Islam. Artikel ini akan membincangkan pemikiran dan sumbangan beliau dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, penulis mengumpulkan maklumat dan data melalui kajian kepustakaan dengan merujuk hasil penulisan Profesor Dr Joni Tamkin serta *curriculum vitae* beliau yang diperoleh dari sumber manusia Universiti Malaya dan berada di dalam simpanan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Selain itu, penulis juga mengumpul data melalui kaedah lapangan dengan menemu bual beberapa individu yang rapat dengan tokoh kajian. Informan yang ditemu bual penulis ialah isteri kepada tokoh kajian iaitu Profesor Dr Che Zarrina binti Sa`ari dan rakan sepengajian tokoh iaitu Profesor Madya Dr Mohamed Azam bin Mohamed Adil. Data yang dikumpul penulis dianalisis untuk mendapatkan kesimpulan terhadap pemikiran beliau dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam serta aspek-aspek yang mempengaruhi pemikiran beliau.

Biografi Profesor Dr Joni Tamkin

Profesor Dr Joni Tamkin dilahirkan pada 18 Jun 1966 Masihi bersamaan 28 Muhamarram 1386 Hijrah di Permatang Guntung, Perak, Malaysia. Beliau merupakan anak kepada pasangan Wak Borhan dan Ngadiyah binti Satimin. Kedua-duanya berasal daripada Bagan Datoh dan berhijrah ke Permatang Guntung lalu membuka penempatan baru bersama-sama peneroka yang lain. Wak Borhan merupakan seorang yang tegas namun mendahulukan perbincangan bersama keluarga sebelum memutuskan sesuatu perkara. Manakala ibu beliau merupakan seorang yang pendiam dan lemah lembut. Profesor Dr Joni Tamkin merupakan anak kedua daripada sembilan orang

adik beradik. Kedua-dua ibu bapa beliau amat menekankan pendidikan kepada anak-anak mereka.³

Profesor Dr Joni Tamkin mendirikan rumah tangga ketika berada di tahun akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya bersama Profesor Dr Che Zarrina binti Sa'ari. Isteri beliau juga merupakan seorang pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Pasangan kedua-dua sarjana ini dikurniakan seramai tiga orang anak, dua lelaki dan seorang perempuan.⁴

Profesor Dr Joni Tamkin menerima pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Permatang Guntung dan kemudian melanjutkan pelajaran peringkat menengah rendah di Madrasah al-Ulum al-Syariah di Bagan Datoh. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran menengah atas ke Kolej Islam Klang (KIK) atau sekarang dikenali sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sana.⁵

Seterusnya Profesor Dr Joni Tamkin melanjutkan pelajaran ke peringkat pra universiti dalam bidang pengajian Islam di Universiti Malaya selama dua tahun. Profesor Dr Joni Tamkin mula mendapat pendidikan secara formal dalam bidang syariah apabila melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Syariah di Universiti Malaya. Beliau mula menunjukkan minat dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam dan menulis latihan ilmiah berkaitan undang-undang kontrak kewangan Islam bagi projek tahun akhir Ijazah Sarjana Muda. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran bagi Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi Islam juga di Universiti Malaya di bawah seliaan Prof. Madya Dr Ab. Mumin Ab. Ghani dan Profesor Dr Abdullah @ Alwi bin Haji Hassan.⁶

Profesor Dr Joni Tamkin ditawarkan biasiswa Universiti Malaya di bawah program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD). Beliau memilih untuk menyambung Ijazah Kedoktoran di Universiti Edinburgh, United Kingdom dalam bidang Perbankan Islam di bawah seliaan Dr Yasin Dutton. Beliau berjaya mendapatkan PhD dalam tempoh 4 tahun dan kembali berkhidmat di Universiti Malaya sebagai pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.⁷

Profesor Dr Joni Tamkin meninggal dunia pada 19 Mei 2017. Beliau meninggal pada umur 51 tahun dan meninggalkan seorang balu beserta tiga orang anak. Beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Pantai Dalam.⁸ Masyarakat kehilangan seorang sarjana dalam bidang syariah khususnya kewangan Islam yang juga merupakan seorang tokoh pendidik yang berwibawa.

Kerjaya dan Sumbangan

Ketika dalam proses menyelesaikan ijazah Sarjana di Universiti Malaya, Profesor Dr Joni Tamkin pernah bertugas sebagai pensyarah sambilan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan guru agama di Tuas Polytech Sdn Bhd selama beberapa bulan. Setelah pulang daripada pengajian Ijazah Kedoktoran di Universiti Edinburgh, beliau terus berkhidmat sebagai pensyarah

³ Che Zarrina binti Sa'ari (Profesor Madya, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 23 Oktober, 2017.

⁴ *Ibid.*

⁵ Profesor Madya Dr Mohamed Azam bin Mohamed Adil (Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 23 Oktober, 2017.

⁶ Che Zarrina Sa'ari.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) selama hampir 20 tahun. Antara jawatan yang pernah disandang beliau sepanjang di Universiti Malaya adalah :

- Ahli Senat Universiti Malaya (2012 – 2015)
- Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi (2003, 2005, 2008, 2009)
- Ketua Jabatan Syariah dan Pengurusan (2000 – 2001)
- Timbalan Pengarah Ijazah Dasar APIUM (2006 – 2007)
- Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi APIUM (2006)
- Ketua Unit Penyelidikan Jabatan Syariah dan Ekonomi (2011 – 2012)
- Ahli Jawatankuasa Semakan Kurikulum (2011 – 2013)
- Ahli Jawatankuasa Penerbitan (2004 – 2006)
- Editor Jurnal Syariah (2012 – 2014)
- Ahli Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Program Ijazah Sarjana Muda APIUM
- Pengarah Program dan Seminar
- Penasihat Persatuan Pelajar

Selain profesion pensyarah, Profesor Dr Joni Tamkin dikenali sebagai pakar dalam kewangan Islam khususnya dalam bidang perbankan Islam, ekonomi Islam dan transaksi Islam. Beliau terlibat dengan beberapa institusi kewangan Islam sama ada sebagai penasihat syariah atau penasihat jemputan. Beliau juga antara sarjana terawal yang berkhidmat sebagai Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada tahun 2001 sehingga tahun 2005. Antara jawatan profesional yang pernah dipegang oleh beliau selain pensyarah termasuklah⁹ :

- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2001 – 2005)
- Penasihat Syariah RHB Islamic Bank (2005 – 2017)
- Penasihat Syariah RHB Bank (2014 – 2017)
- Penasihat Syariah MAA/Zurich Takaful (2014 – 2017)
- Pengurus Pakar Bidang Fiqh Dewan Bahasa dan Pustaka (2014 – 2015)
- Majlis Ulama' *International Shariah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA) (2015–2017)
- Ahli Jawatankuasa Penghasilan Instrumen Pentaksiran (2004)
- Jawatankuasa Kawalan Mutu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2004)

Dalam bidang akademik, Profesor Dr Joni Tamkin pernah memberi sumbangan kepada kerajaan di beberapa agensi dan universiti lain. Antaranya beliau pernah bertugas sebagai penasihat syariah bagi perbankan Islam dan takaful Kementerian Pendidikan Malaysia, ahli Lembaga Pendidikan Universiti Utara Malaysia, panel sijil diploma Kolej Dar al-Hikmah, ahli jawatankuasa kawalan mutu Kementerian Pendidikan Malaysia, panel subjek Pendidikan Islam

⁹ *Curriculum Vitae*, Profesor Dr Joni Tamkin , dalam simpanan Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Lembaga Peperiksaan Malaysia dan majlis penasihat Universiti Islam Malaysia. Beliau juga terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan agensi kerajaan yang lain seperti ahli panel penasihat dan fasilitator di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ahli panel penilai Agensi Kelayakan Malaysia dan penasihat syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.¹⁰

Jika diteliti dengan lebih mendalam, selama hampir dua puluh tahun dalam bidang akademik Profesor Dr Joni Tamkin banyak menulis mengenai ekonomi Islam dan kewangan Islam termasuklah perbankan, takaful, pembangunan Islam, agihan kekayaan serta pengurusan zakat dan harta wakaf. Beliau juga banyak menghuraikan pemikiran ekonomi para sarjana Islam seperti Ibn Khaldun, Imam al-Ghazali dan Syeikh Daud Fatani.¹¹

Profesor Dr Joni Tamkin terlibat sebagai penilai dalam aktiviti akademik yang melibatkan projek penyelidikan, tesis dan buku di pelbagai peringkat dan pelbagai institusi pendidikan tinggi. Beliau juga sering dijemput untuk memberikan syarahan atau pembentangan dalam konferens mahupun seminar berkaitan ekonomi dan kewangan Islam sama ada di dalam atau luar negara. Antaranya beliau pernah menyampaikan syarahan di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Indonesia dan Universiti Dacca, Bangladesh.¹²

Analisis Penerbitan Akademik

Sumbangan ahli akademik terutama dalam bidang kepakaran yang dikuasai menjadikan perkembangan ilmu pengetahuan semakin rancak. Selain itu, penguasaan ilmu di sesebuah institusi juga digambarkan oleh bilangan Profesor yang ada.¹³ Analisis bibliometrik digunakan sebagai salah satu kaedah utama dalam menilai dan mengukur kesan penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang penyelidik.¹⁴

Penulis meneliti kepada *curriculum vitae* Profesor Dr Joni Tamkin yang berada di dalam pengkalan data UMExpert dan seterusnya melakukan semak silang dengan artikel asal beliau.¹⁵ UMExpert merupakan pengkalan data individu yang digunakan oleh pihak Universiti Malaya bagi mengukur pencapaian akademik semasa bagi setiap staf. Data daripada pengkalan dan *curriculum vitae* ini dianggap asli dan sah untuk digunakan dalam penyelidikan ini.

Di dalam kajian ini, penulis akan menganalisis hasil penulisan Profesor Dr Joni Tamkin daripada tahun 1994 sehingga tahun 2017. Penulis mengkategorikan analisis penerbitan Profesor Dr Joni Tamkin seperti berikut :

1. Jumlah penulisan mengikut tahun.¹⁶

Rajah 1 : Kekerapan Penerbitan Profesor Dr Joni Tamkin

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*


¹² *Ibid.*

¹³ Ahmad Faisal, Ainul Mardiah, Pola Penerbitan Zulkifli Mohd Yusoff Dalam Bidang Al-Quran : Kajian Biobibliometrik, *Jurnal al-Tamadun* Bil 11, 2 (2016) 49-59.

¹⁴ Noraziah Sharuddin, Md. Razib, Yahya Buntat, Analisa Penerbitan Ilmiah Malaysia Dalam Bidang Pengajian Islam Yang diindeks Di Scopus Dari Tahun 2010-2015, *Regional Islamic Libraries Seminar* (2016).

¹⁵ https://umexpert.um.edu.my/cv_dashboard_view.php?viewid=joni, dicapai 17/11/2017, 3.02 pm.

¹⁶ *Curriculum Vitae*, Profesor Dr Joni Tamkin , dalam simpanan Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



Sepanjang 23 tahun di dalam bidang akademik (1994 – 2017), beliau telah menghasilkan sebanyak 115 penerbitan dalam bentuk buku, bab buku, artikel dan prosiding sama ada secara individu maupun berkolaborasi bersama penyelidik lain. Jumlah tertinggi penerbitan beliau ialah pada tahun 2005 dan 2012 iaitu sebanyak 14 hasil penulisan (12%).

2. Bentuk penulisan ilmiah.¹⁷

Jadual 1: Jenis Penerbitan Profesor Dr Joni Tamkin

| Jenis Penerbitan | Kekerapan |
|------------------|-----------|
| Buku | 2 |
| Buku Yang Diedit | 6 |
| Bab Buku | 27 |
| Artikel | 56 |
| Prosiding | 24 |
| Jumlah | 115 |

Jadual menunjukkan kekerapan penerbitan ilmiah Profesor Dr Joni Tamkin dalam empat bentuk penulisan iaitu buku (1.7%), buku yang diedit (5%), bab buku (24%), artikel (48%) dan prosiding (21%).

Profesor Dr Joni Tamkin telah menulis dan mengedit sebanyak 8 buah buku. Antaranya adalah buku teks bagi subjek Ulum al-Quran Tingkatan 6 dan Ulum al-Hadith Tingkatan 6 bersama isteri beliau, Profesor Dr Che Zarrina Sa'ari. Buku-buku yang diedit oleh beliau adalah

¹⁷ Ibid.

seperti Sistem Takaful di Malaysia : Isu-isu Kontemporari, Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia dan Untung Dalam Sistem Perbankan Islam.

Bentuk penerbitan ilmiah yang paling banyak dihasilkan oleh Profesor Dr Joni Tamkin adalah artikel iaitu sebanyak 56 buah ataupun 48% daripada keseluruhan hasil penerbitan. Penulisan artikel beliau banyak diterbitkan di dalam Jurnal Syariah dan Jurnal Usuluddin di bawah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Selain itu, artikel beliau juga diterbitkan oleh jurnal lain seperti Jurnal Jabatan Agama Islam Kelantan, Jurnal al-Tamadun, Jurnal Majlis Islam Sarawak dan Jurnal Afkar (Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM).

Selain itu, Profesor Dr Joni Tamkin telah menghasilkan sebanyak 27 buah bab buku dan 24 prosiding di mana kedua-duanya mewakili 24% dan 21% daripada keseluruhan penulisan beliau. Bab buku beliau boleh dilihat di dalam beberapa buah buku seperti Islamic Economics, Banking and Finance : Concept and Critical Issues, Transfromasi Penyelidikan dan Pengajian Islam, Sunnah Nabi : Realiti dan Cabaran Semasa dan Sistem Takaful di Malaysia : Isu-isu Kontemporari. Antara tajuk makalah prosiding pula adalah Relevensi Perbankan Islam dalam Mendepani Cabaran Ketidakstabilan Kewangan, Elemen Kerohanian dalam Pemikiran Ekonomi Ibn Khaldun dan Hubungannya Dengan Amalan Sistem Ekonomi Islam Semasa dan Kelakuan Perbankan Islam Dalam Pengurusan Pembiayaan Di Malaysia.

3. Jumlah kepengkarangan.¹⁸

Jadual 2: Jumlah kepengkarangan Profesor Dr Joni Tamkin

| Jumlah Pengarang | Kekerapan |
|------------------|-----------|
| 1 | 44 |
| 2 | 30 |
| 3 | 10 |
| 4 | 4 |
| 5 | 5 |
| 6 | 2 |
| 7 | 2 |

Berdasarkan jadual, kebanyakan penerbitan ilmiah beliau dihasilkan secara individu iaitu sebanyak 44 jumlah penerbitan yang mewakili 48% jumlah keseluruhan. Penulisan secara berdua pula adalah sebanyak 30 penerbitan yang mewakili 33% jumlah keseluruhan. Profesor Dr Joni Tamkin banyak berkolaborasi dalam penulisan bersama isteri beliau, Profesor Dr Che Zarrina Saari khususnya dalam bidang usuluddin. Selain itu, beliau juga banyak berkolaborasi bersama pelajar beliau terutamanya pelajar di peringkat pasca siswazah sama ada sarjana mahupun doktor falsafah.

Seterusnya, sepuluh penerbitan hasil kolaborasi tiga orang penulis (11%). Hasil penerbitan empat penulis dan ke atas pula adalah sebanyak tujuh yang mewakili 8% jumlah keseluruhan. Kesimpulannya, sejumlah besar hasil penerbitan Profesor Dr Joni Tamkin adalah penulisan beliau secara individu dan beliau tidak banyak berkolaborasi lebih daripada tiga

¹⁸ Ibid.5

penulis. Pensyarah dan pelajar daripada Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya merupakan yang terbanyak menghasilkan penerbitan ilmiah bersama beliau.

4. Bidang kajian yang dibincangkan.¹⁹

Jadual 3: Bidang penulisan Profesor Dr Joni Tamkin

| Bidang Penulisan | Kekerapan |
|--------------------|-----------|
| Perbankan | 32 |
| Ekonomi Islam | 25 |
| Kajian Tokoh | 13 |
| Usuluddin | 12 |
| Transaksi Kewangan | 10 |
| Takaful | 8 |
| Lain-lain | 15 |
| Jumlah | 115 |

Jadual menunjukkan kekerapan hasil penulisan Profesor Dr Joni Tamkin berdasarkan beberapa bidang yang telah dipecahkan oleh penulis. Selaku pakar dalam kewangan Islam khususnya perbankan Islam, penulisan terbanyak beliau adalah berkaitan perbankan Islam iaitu sebanyak 32 penulisan (28%). Antara perkara yang dibincangkan di dalam penulisan beliau berkaitan perbankan Islam adalah konsep untung dalam bank Islam, produk-produk bank Islam, kemampuan bank Islam dan perlaksanaan transaksi muamalat di dalam bank Islam.

Seterusnya, penulisan beliau dalam bidang ekonomi Islam adalah sebanyak 25 penulisan yang mewakili 22% daripada keseluruhan. Penulisan dalam bidang ekonomi Islam oleh Profesor Dr Joni Tamkin meliputi pemikiran ekonomi Islam, sistem ekonomi Islam, pembangunan ekonomi Islam dan ekonomi pertanian. Beliau juga melakukan kajian dan penulisan berkaitan tokoh dalam ekonomi iaitu sebanyak 13 penulisan (11%). Antara tokoh yang dikaji beliau termasuklah Ibn Rushd dan Imam Al-Ghazali.

Profesor Dr Joni Tamkin juga banyak menghasilkan penulisan berkaitan instrumen kewangan Islam selain perbankan seperti takaful, pasaran modal Islam, transaksi kewangan Islam, zakat, pajak gadai dan wakaf. Antaranya adalah isu-isu kontemporari dalam sistem takaful, kecairan dalam pasaran modal Islam, kajian terhadap transaksi kewangan seperti musharakah mutanaqisah dan tawarruq, kutipan dan agihan zakat serta banyak lagi kajian-kajian yang berkaitan.

Penulisan beliau tidak hanya terhad dalam bidang syariah dan kewangan Islam, beliau juga menghasilkan penulisan dalam bidang pendidikan dan usuluddin berkaitan dakwah, akidah, kajian Al-Quran dan kesufian. Antara tajuk penulisan beliau dalam bidang usuluddin adalah *Peranan Spritual Terhadap Pembentukan Moral Ahli Masyarakat, Relationship Between Sufism and Islamic Psychospiritual, The Role of Sufism in Propagating Islam and Sufi Order in Malaysia : A Historical Approach.*

¹⁹ Ibid.

5. Bahasa yang digunakan.²⁰

Jadual 4: Bahasa Penulisan Profesor Dr Joni Tamkin

| Bahasa | Kekerapan |
|----------|-----------|
| Melayu | 69 |
| Inggeris | 46 |

Jadual menunjukkan kekerapan bahasa yang digunakan Profesor Dr Joni Tamkin di dalam penerbitan ilmiah beliau. Beliau menggunakan Bahasa Melayu dalam 69 buah penerbitan dan Bahasa Inggeris bagi selebihnya di mana kedua-duanya mewakili 60% dan 40% daripada jumlah keseluruhan.

Keseluruhan hasil penerbitan Profesor Dr Joni Tamkin menggambarkan kegigihan dan komitmen beliau sebagai seorang ahli akademik. Maka tidak hairanlah apabila beliau memegang jawatan profesor dalam umur yang masih muda berbanding pensyarah yang lain.

Pemikiran Profesor Dr Joni Tamkin Dalam Ekonomi dan Kewangan Islam

Di dalam penulisan beliau, Profesor Dr Joni Tamkin menyatakan bahawa konsep pembangunan ekonomi dalam Islam mengandungi nilai di mana objektif utamanya ialah untuk mencapai kebajikan manusia. Kebajikan manusia menurut Islam adalah tidak lengkap tanpa pembangunan nilai moral yang dianggap tidak penting dalam pembangunan ekonomi konvensional. Nilai-nilai moral adalah sesuatu yang tidak boleh diukur dan haruslah bergerak seiring dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Teori ekonomi konvensional seperti komunis dan kapitalis melihat konsep pembangunan ekonomi hanya daripada aspek kebendaan dan fizikal serta mengabaikan pembangunan nilai-nilai moral dan spiritual serta pembangunan diri manusia itu sendiri. Pandangan ini adalah berbeza dengan teori ekonomi Islam yang menekankan pembangunan akhlak dan kerohanian di samping pembangunan ekonomi dan kebendaan. Pembangunan ekonomi menurut Islam adalah bersifat komprehensif dan seimbang di antara faktor kebendaan dan kerohanian, kuantitatif dan kualitatif, dalaman dan luaran.

Profesor Dr. Joni Tamkin menggariskan objektif pembangunan ekonomi dalam Islam seperti berikut :

| Bil | Objektif | Huraian |
|-----|---|--|
| 1. | Pembangunan sumber insan. | Pembangunan personaliti, pendidikan, latihan dan kemahiran harus diambil kira bagi melahirkan insan yang berpengetahuan, mahir, kreatif dan mampu melakukan penyelidikan. |
| 2. | Pertambahan pengeluaran yang bermanfaat | Menurut Islam, pengeluaran barang haruslah mengutamakan barang keperluan asas (<i>darūriyyāt</i>) berbanding barang mewah (<i>kamāliyyāt</i>) dan selesa (<i>tahsīniyyāt</i>). |
| 3. | Pembaikan kehidupan kualiti | Mewujudkan peluang pekerjaan, sistem jaminan sosial dan sistem agihan kekayaan yang adil merupakan perkara yang ditekankan dalam pembangunan ekonomi Islam. |

²⁰ Ibid.

| | | |
|----|---|---|
| 4. | Pembangunan seimbang | Pembangunan ekonomi menurut Islam haruslah seimbang antara wilayah dan sektor-sektor masyarakat dan ekonomi bagi mencapai keadilan dan kemajuan yang maksimum. |
| 5. | Penggunaan teknologi baru | Pembangunan ekonomi sesebuah akan lebih teguh apabila menguasai teknologi dan tidak bergantung kepada bantuan negara asing. |
| 6. | Pengurangan pergantungan kepada negara luar | Negara Islam seharusnya membebaskan diri dari pergantungan kepada kuasa luar khususnya negara yang bukan Islam dan mengeratkan hubungan di antara negara-negara Islam. Hubungan ini akan mengutuhkan kesatuan ummah dalam pelbagai aspek khususnya ekonomi dan politik. |

Sehubungan itu, Profesor Dr Joni Tamkin menegaskan bahawa konsep keseimbangan pembangunan ekonomi menurut Islam diukur dari sudut pembangunan fizikal dan rohani yang mencakupi kesejahteraan di dunia dan akhirat.²¹

Seterusnya Profesor Dr Joni Tamkin mengkritik metodologi ekonomi konvensional dan membandingkannya dengan metodologi ekonomi Islam. Menurut beliau, terdapat tiga metodologi asas dalam ekonomi konvensional yang tidak diterima oleh Islam²² :

| | |
|----|---|
| 1. | Andaian asas menyatakan manusia itu secara semulajadi mementingkan diri sendiri dan bertindak secara rasional. |
| 2. | Matlamat utama kehidupan manusia ialah kemajuan dalam kebendaan. |
| 3. | Setiap manusia cenderung memaksimumkan kebajikan kebendaannya dan mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membuat keputusan. |

Islam mempunyai pandangan berbeza bagi ketiga-tiga metodologi ekonomi konvensional di atas. Pertamanya, sejarah tamadun manusia membuktikan bahawa manusia memiliki semangat *altruistic* iaitu mengutamakan kesenangan orang lain dan tidak mementingkan diri. Ianya selari dengan ajaran Islam yang memupuk sifat tersebut berdasarkan instrumen hibah, sedekah,wakaf, infaq dan zakat. Seterusnya, Islam menolak aspek kebendaan sebagai matlamat utama dalam ekonomi Islam. Islam juga tidak mengajar umatnya meninggalkan nikmat dunia untuk mengejar kehidupan akhirat semata-mata. Namun Islam menuntut umatnya mencapai al-falah iaitu hidup yang sejahtera di dunia dan akhirat serta memperoleh keredaan Allah. Ketiga, andaian bahawa manusia mempunyai pengetahuan yang cukup terhadap sesuatu adalah bertentangan dengan Islam. Al-Qur'an menyebutkan bahawa manusia tidak mempunyai pengetahuan yang sempurna terhadap sesuatu perkara dan hanya Allah yang mempunyai pengetahuan sempurna terhadap sesuatu perkara.²³ Ekonomi Islam seharusnya berpaksikan kepada metodologi yang berikut²⁴ :

²¹ Joni Tamkin Borhan, Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam, *Jurnal Usuluddin*, 27 (2008), 93-107.

²² Joni Tamkin Borhan, Metodologi Ekonomi Islam : Suatu Analisis Perbandingan, *Jurnal Usuluddin*, 15 (2002), 73-88.

²³ Surah al-Nisā' (4) : 11.

²⁴ Joni Tamkin Borhan, Metodologi Ekonomi Islam : Suatu Analisis Perbandingan, *Jurnal Usuluddin*.

| | |
|----|---|
| 1. | Ekonomi Islam berdasarkan kepada sumber waantu iaitu al-Qur'an dan hadith. |
| 2. | Ekonomi Islam mengutamakan metod induktif berbanding metod deduktif kerana metod ini menguji kebenaran atau penyelewengan sesuatu andaian dan jangkaan dalam ekonomi yang terhasil dari tindakan rasional manusia dan bukti-bukti yang empirik. |
| 3. | Ekonomi Islam dibina di atas nilai dan etika yang luhur dan bersepada seperti nilai keadilan, dermawan, sederhana dan rasa kepedulian pada orang lain. |
| 4. | Pengajian ekonomi Islam bersifat normatif dan positif kerana orang Islam sentiasa mencari jalan untuk mengubah sistem ekonomi konvensional yang diamalkan kepada sistem ekonomi Islam. |
| 5. | Matlamat ekonomi Islam ialah kejayaan di dunia adan akhirat dalam pelbagai aspek. |

Profesor Dr Joni Tamkin turut membincangkan tentang polisi kewangan menurut perspektif ekonomi Islam. Berbanding polisi kewangan konvensional yang menggunakan kadar bunga, polisi kewangan dalam ekonomi Islam seharusnya menggunakan bekalan wang sebagai pemboleh ubah. Beliau menggariskan matlamat polisi kewangan Islam seperti berikut :

| | |
|----|--|
| 1. | Kebajikan ekonomi yang meluas beserta tingkat gunatenaga penuh dan kadar pertumbuhan optimum. |
| 2. | Keadilan sosio-ekonomi dan kesaksamaan pengagihan pendapatan dan kekayaan. |
| 3. | Kestabilan nilai wang sebagai unit akaun yang diyakini, standard pembayaran bertangguh yang adil dan penyimpan nilai yang stabil. |
| 4. | Mengguna dan melaburkan tabungan supaya tercapai pembangunan ekonomi dengan cara yang adil dan pulangannya dapat dinikmati oleh semua pihak. |
| 5. | Penyediaan semua perkhidmatan yang diandaikan daripada sistem urusan bank dengan cara yang berkesan. |

Polisi kewangan Islam mampu untuk mewujudkan kebijakan ekonomi secara menyeluruh berbanding dengan polisi kewangan konvensional. Tingkat gunatenaga penuh, kadar pertumbuhan ekonomi secara optimum, keadilan dalam sosio-ekonomi, kesaksamaan dalam agihan pendapatan dan kekayaan dan kestabilan nilai mata wang merupakan matlamat utama dalam polisi kewangan ekonomi Islam. Walaupun terdapat matlamat polisi kewangan konvensional yang bertepatan dengan tuntutan Islam, ianya tidak memberi penekanan terhadap masalah keadilan dalam pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan ummah.²⁵

Profesor Dr Joni Tamkin turut menyerapkan unsur-unsur ketauhidan dalam penulisan beliau berkaitan ekonomi dan kewangan Islam. Tauhid secara umumnya membawa maksud kepercayaan terhadap Allah sebagai tuhan dan Nabi Muhammad sebagai pesuruhNya. Berpegang kepada tauhid bermaksud seseorang tidak akan melakukan sesuatu yang ditegah oleh Allah. Individu yang menggunakan sumber-sumber ekonomi berdasarkan prinsip tauhid akan menguruskannya dengan baik dan tidak melakukan *fasād* di muka bumi. Konsep tauhid

²⁵ Joni Tamkin Borhan, Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam, *Jurnal Syariah*, 10:1 (2002), 71-88.

juga menjadikan seseorang lebih positif dan peka terhadap segala suruhan dan larangan Allah. Ekonomi Islam berdasarkan dua prinsip utama iaitu konsep Allah sebagai pemilik dan manusia selaku khalifah di muka bumi. Enam prinsip yang lain termasuklah konsep keadilan, integrasi nilai akhlak dengan kegiatan ekonomi, sikap positif terhadap kegiatan ekonomi, agihan semula kekayaan, penghapusan amalan riba dan sistem perkongsian untung dan rugi.²⁶ Beliau juga berpendangan bahawa ekonomi Islam berteraskan tauhid berperanan sebagai alternatif bagi mengatasi masalah-masalah ekonomi hasil pengamalan sistem ekonomi konvensional.²⁷

Menurut Profesor Dr Joni Tamkin, negara Islam adalah negara berkebajikan. pemerintah bertanggungjawab memenuhi kebajikan ekonomi mengikut sumber yang ada dan adil dalam mengagihkan kekayaan dan pendapatan negara kepada rakyat. Kerajaan sebagai pemegang amanah daripada Allah perlu berperanan bagi mencapai matlamat utama ekonomi Islam yang berbentuk kebendaan dan kerohanian. Beliau juga berpendapat bahawa tanggungjawab pemerintah dalam ekonomi menurut Islam adalah bersifat semula jadi, tetap dan berkekalan bukannya bersifat bermusim dan bergantung kepada keadaan.²⁸

Profesor Dr Joni Tamkin merupakan seorang sarjana syariah yang terlibat dalam beberapa institusi kewangan Islam termasuk perbankan dan takaful. Antara aspek penting yang membezakan antara sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam adalah pengamalan riba. Berbanding dengan sistem kewangan konvensional, sistem kewangan Islam tidak menerima amalan riba kerana ianya bertentangan dengan ajaran Islam.²⁹ Sebagai alternatif terhadap amalan riba, beberapa fuqaha' dan ahli ekonomi Islam mencadangkan kaedah perkongsian untung-rugi sebagai asas dalam institusi kewangan Islam. Sistem perkongsian untung dan rugi seperti *al-sharikah*, *al-mudārabah* dan *qard al-hasan* melibatkan hubungan antara pemilik modal dan usahawan. Pulangan terhadap usahawan bergantung terhadap kebolehan dan kemampuan dalam menguruskan faktor-faktor tersebut. kadar pulangan keuntungan adalah berdasarkan nisbah yang dipersetujui antara pihak-pihak yang melakukan kontrak. Kadar pulangan atau keuntungan yang tetap adalah tidak diterima dalam sistem kewangan dan perbankan Islam.³⁰

Aspek utama yang membezakan keuntungan sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional adalah pulangan yang diterima institusi perbankan. Sistem perbankan Islam menerima pulangan dalam bentuk untung manakala perbankan konvensional menerimanya dalam bentuk faedah. Konsep keuntungan dalam Islam adalah berdasarkan kadar dan nisbah munasabah yang ditentukan dalam sesuatu barang atau perkhidmatan yang diniagakan. Nisbah yang ditetapkan ini bukan sahaja tidak membebankan para pelanggan, malah dapat menjamin kelangsungan sesebuah institusi kewangan Islam. Untung yang diiktiraf Islam adalah yang bebas daripada unsur-unsur haram seperti *riba*, *gharar*, *ghabn* dan *ihtikar*.³¹

²⁶ Joni Tamkin Borhan, The Tawhidic Paradigm In Islamic Banking, *Jurnal Usuluddin*, 11 (2000), 45-58.

²⁷ Joni Tamkin Borhan, Peranan dan Cabaran Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi, *Jurnal AFKAR*, Bil 2 (2001), 141-164.

²⁸ Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina Sa`ari, Economic Functions Of The State : An Islamic Perspective, *Jurnal Usuluddin*, Bil 16 (2002), 75-90.

²⁹ Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina, An Analysisi of The Prohibition of Riba In The Quran, *Jurnal Usuluddin* 19 (2004), 46.

³⁰ Joni Tamkin Borhan, Sistem Perbankan Islam di Malaysia : Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya, *Jurnal Usuluddin*, 14 (2001), 152.

³¹ Joni Tamkin Borhan et al., Analisis Kaedah Pengukuran Untung (Al-Ribh) dari Perspektif Mu`amatul Islam, *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*, 59 (2012), 135-140.

Selain itu, perbankan Islam ditubuhkan bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan tetapi juga untuk mencapai matlamat kebajikan sosial dan moral dalam masyarakat menurut Islam. Perbankan Islam tertubuh di atas lapan prinsip utama iaitu³² :

| | |
|----|--|
| 1. | Allah sebagai pemilik sebenar semua kekayaan. |
| 2. | Konsep hubungan antara Allah dan manusia sebagai khalifah di bumi. |
| 3. | Keadilan dan kesaksamaan sosial kepada semua manusia. |
| 4. | Integrasi antara nilai-nilai akhlak dengan kegiatan ekonomi. |
| 5. | Sikap positif terhadap kegiatan dan pembangunan ekonomi. |
| 6. | Agihan semula kekayaan berorientasikan keadilan sosial. |
| 7. | Penghapusan institusi riba. |
| 8. | Perkongsian untung dan rugi. |

Ketika fasa awal pengenalan sistem kewangan Islam di Malaysia, fokus utama adalah pembangunan sistem perbankan Islam dan mengembangkan penglibatan dalam aktiviti perbankan. Faktor utama pembangunan pesat sistem kewangan Islam di Malaysia adalah pasaran wang yang efisien dalam menguruskan kecairan kewangan. Proses untuk Malaysia berevolusi sebagai hab kewangan Islam antarabangsa haruslah bermula dengan pengukuhan di peringkat domestik sebelum ke peringkat antarabangsa.³³ Krisis kewangan global sekitar tahun 2007 hingga 2008 memberi kesan yang besar terhadap ekonomi negara termasuklah sistem kewangan dan perbankan. Antara kesannya adalah menghakis keyakinan awam terhadap sistem perbankan, pengurangan kredit dan perbelanjaan, kemerosotan pulangan pelaburan dan peningkatan pengangguran. Perbankan Islam turut terjejas namun tidaklah seteruk yang dialami perbankan konvensional daripada aspek modal pasaran dan keuntungan bersih. Kemampuan perbankan Islam untuk bertahan mendepani krisis kewangan adalah kerana ianya berasaskan ekonomi benar, perkongsian untung dan rugi, ketelusan serta memperlakukan wang sebagai alat pertukaran, bukannya komoditi untuk dijual beli.³⁴

Takaful juga merupakan antara komponen utama dalam sistem kewangan Islam selain perbankan dan pasaran modal. Menurut Profesor Dr Joni Tamkin, amalan insurans telah lama muncul dalam sejarah ketamadunan manusia bagi melindungi harta persendirian, keluarga dan perdagangan.³⁵ Seperti perbankan Islam, takaful juga tidak terlepas daripada risiko berlakunya aktiviti tidak patuh syariah seperti riba, *gharar*, *maysir*, *ghalat* dan *ghubn*. Antara potensi keterdedahan risiko syariah dalam takaful adalah kesilapan dalam penyataan brosur, risiko syariah dalam pelaburan, akad tuntutan pihak ketiga terhadap manfaat takaful dan terlebih caj

³² Joni Tamkin Borhan, Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia, 13, 8 (2001), 115-117.

³³ Joni Tamkin Borhan et al., The Global Hub Process : Malaysia's Vision Towards Becoming the Islamic Finance Global Hub Country, *International Journal of Business and Social Science*, 5, 8 (2014), 206.

³⁴ Joni Tamkin Borhan et al., Relevansi Perbankan Islam Mendepani Cabaran Ketidakstabilan Kewangan, *Prosiding PERKEM VII*, 2 (2012), 863-870.

³⁵ Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina Sa`ari, The Principle of Takaful In Islam and Its Practice In The Operations of Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Jurnal Usuluddin*, 17 (2003), 33-56.

wakalah.³⁶ Walaupun begitu, potensi risiko syariah ini boleh diselesaikan oleh Jawatankuasa Syariah institusi terlibat sebagai sebuah entiti yang memastikan keseluruhan aktiviti sesebuah institusi kewangan Islam beroperasi berdasarkan pematuhan syariah. Profesor Dr Joni Tamkin bin Borhan berpendapat bahawa kepakaran fiqh dan usul fiqh dalam ahli Jawatankuasa Syariah adalah satu kemestian bagi menghadapi persoalan dan isu berkaitan syariah yang timbul dalam pasaran kewangan Islam. Kepakaran seperti pengurusan risiko, tadbir urus, perakaunan, undang-undang dan sebagainya juga merupakan satu kelebihan kepada Jawatankuasa Syariah sesebuah institusi kewangan Islam.³⁷

Kesimpulan

Penulisan Profesor Dr Joni Tamkin bin Borhan merupakan manifestasi pemikiran beliau berdasarkan pengalaman beliau berkecimpung dalam bidang akademik dan industri kewangan Islam. Penulisan beliau dalam ekonomi dan kewangan Islam adalah fokus kepada prinsip syariah berkaitan, kontrak muamalat, matlamat ekonomi dan kewangan Islam serta perbezaannya dengan sistem konvensional. Penulis boleh merumuskan bahawa pemikiran beliau adalah berasaskan kepada prinsip pematuhan syariah, sistem kewangan tanpa riba, orientasi maqasid dan maslahah dalam ekonomi dan kewangan Islam, unsur tauhid dalam ekonomi serta nilai dan etika dalam urus niaga kewangan Islam.

Berdasarkan pembahagian kategori sarjana ekonomi Islam yang dinyatakan Profesor Dr Aslam Haneef,³⁸ Profesor Dr Joni Tamkin bin Borhan berada di dalam kategori ketiga. Beliau merupakan tokoh sarjana ekonomi Islam yang mempunyai latar belakang pendidikan barat. dan mempunyai kepakaran dalam bidang syariah serta ekonomi Islam. Selain itu, pandangan yang diberikan beliau adalah cenderung kepada pendekatan ekonomi yang sesuai dengan konteks dan amalan semasa. Pendekatan beliau dalam memberikan pandangan adalah menganalisis sumber-sumber perundangan Islam dan mengadaptasi kaedah semasa serta menerima pandangan-pandangan barat yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam. Sepanjang perkhidmatan beliau, Profesor Dr Joni Tamkin bin Borhan telah memberi sumbangan besar dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam melalui penulisan, penerbitan, kepakaran dan seumpamanya. Pemergian beliau merupakan suatu kehilangan besar kepada negara khususnya dalam bidang syariah, ekonomi dan kewangan Islam.

Rujukan

- Abdul Hamid, Ahmad Faisal, and Nurul Afiqah Hussin. "Pola Penerbitan Joni Tamkin Bin Borhan Dalam Bidang Ekonomi Islam: Kajian Biobibliometrik." *Journal of Al-Tamaddun* 15, no. 2 (2020).
- Ahmad Faisal, Ainul Mardiah, Pola Penerbitan Zulkifli Mohd Yusoff Dalam Bidang Al-Quran : Kajian Biobibliometrik, Jurnal al-Tamadun Bil 11, 2 (2016) 49-59.

³⁶ Joni Tamkin Borhan et al., Potensi Keterdedahan Risiko Syariah Syarikat Pengendali Takaful Terpilih di Malaysia, *Jurnal Islamiyyat*, 2, 37 (2015), 113-124.

³⁷ Joni Tamkin Borhan et al., Kepakaran dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah Dalam Menguruskan Risiko Ketidakpatuhan Syariah : Tinjauan Awal Terhadap Industri Takaful di Malaysia, *ESTEEM Academic Journal*, 10, 2 (2014), 31-43.

³⁸ Mohamed Aslam Haneef, *Contemporary Islamic Economic Thought: A Selected Comparative Analysis* (Petaling Jaya, Selangor, 1995), 57

- Che Zarrina binti Sa`ari (Profesor Madya, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 23 Oktober, 2017.
- Curriculum Vitae, Profesor Dr Joni Tamkin , dalam simpanan Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Daud Bakar, *Minda Syariah Kewangan Islam* (Kuala Lumpur: Amanie Media 2016), 2.
- Joni Tamkin Borhan et al., Analisis Kaedah Pengukuran Untung (Al-Ribh) dari Perspektif Mu`amalat Islam, *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*, 59 (2012), 135-140.
- Joni Tamkin Borhan et al., Kepakaran dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah Dalam Menguruskan Risiko Ketidakpatuhan Syariah : Tinjauan Awal Terhadap Industri Takaful di Malaysia, *ESTEEM Academic Journal*, 10, 2 (2014), 31-43.
- Joni Tamkin Borhan et al., Potensi Keterdedahan Risiko Syariah Syarikat Pengendali Takaful Terpilih di Malaysia, *Jurnal Islāmiyyāt*, 2, 37 (2015), 113-124.
- Joni Tamkin Borhan et al., Relevansi Perbankan Islam Mendepani Cabaran Ketidakstabilan Kewangan, *Prosiding PERKEM VII*, 2 (2012), 863-870.
- Joni Tamkin Borhan et al., The Global Hub Process : Malaysia's Vision Towards Becoming the Islamic Finance Global Hub Country, *International Journal of Business and Social Science*, 5, 8 (2014), 206.
- Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina Sa`ari, Economic Functions Of The State : An Islamic Perspective, *Jurnal Usuluddin*, Bil 16 (2002), 75-90.
- Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina Sa`ari, The Principle of Takaful In Islam and Its Practice In The Operations of Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Jurnal Usuluddin*, 17 (2003), 33-56.
- Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina, An Analysisi of The Prohibition of Riba In The Quran, *Jurnal Usuluddin* 19 (2004), 46.
- Joni Tamkin Borhan, Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia, 13, 8 (2001), 115-117.
- Joni Tamkin Borhan, Metodologi Ekonomi Islam : Suatu Analisis Perbandingan, *Jurnal Usuluddin*, 15 (2002), 73-88.
- Joni Tamkin Borhan, Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam, *Jurnal Usuluddin*, 27 (2008), 93-107.
- Joni Tamkin Borhan, Peranan dan Cabaran Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi, *Jurnal AFKAR*, Bil 2 (2001), 141-164.
- Joni Tamkin Borhan, Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam, *Jurnal Syariah*, 10:1 (2002), 71-88.
- Joni Tamkin Borhan, Sistem Perbankan Islam di Malaysia : Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya, *Jurnal Usuluddin*, 14 (2001), 152.
- Joni Tamkin Borhan, The Tawhidic Paradigm In Islamic Banking, *Jurnal Usuluddin*, 11 (2000), 45-58.
- Mohamed Aslam Haneef, *Contemporary Islamic Economic Thought: A Selected Comparative Analysis* (Petaling Jaya, Selangor, 1995), 57

Noraziah Sharuddin, Md. Razib, Yahya Buntat, Analisa Penerbitan Ilmiah Malaysia Dalam Bidang Pengajian Islam Yang diindeks Di Scopus Dari Tahun 2010-2015, Regional Islamic Libraries Seminar (2016).

Profesor Madya Dr Mohamed Azam bin Mohamed Adil (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 23 Oktober, 2017.